

Karangan Naratif 6

Selesaikan cerita berikut:

Aku selalu enggan mendengar nasihat keluargaku. Aku lebih suka menghabiskan masa bersama kawan-kawan. Namun, satu peristiwa berlaku sehingga menyebabkan aku sedar akan kesilapanku . . .

Introduction

- Conflict
- Short Dialogue
- Suspense Elements

Aku selalu enggan mendengar nasihat keluargaku. Aku lebih suka menghabiskan masa bersama kawan-kawan. Namun, satu peristiwa berlaku sehingga menyebabkan aku sedar akan kesilapanku.

“Amir, ke mana Amir pergi?”

“Kenapa ibu? Apa yang telah berlaku?”

“Adik engkau, Amir! Adik engkau, Amir! Cari dia, Amir!”

“Beritahu Amir, ibu. Apa yang telah terjadi?”

“Apa yang Amir bawa tu? [OBJECT] Rupa-rupanya Amir lebih besarkan mereka daripada adik-adik Amir sendiri! [PERSON] Tergamak Amir!”

“Amir pergi sekejap sahaja.”

“Kalau apa-apa yang berlaku kepada adik-adik Amir, ibu tidak akan memaafkan Amir.”

Tumpuan Amir tertumpu pada teriakan seorang yang sedang berada di laut. Pada kedua belah lengannya terkulai layu adik bongsunya. Dia kini sedar apa yang telah berlaku. [INCIDENT]

The Main

Developing Puan Zaleha

- Action

Puan Zaleha menjadi tidak keruan melihat telatah Amir sejak dia meneruskan pengajiannya di ITE East. Anak sulungnya itu menjadi tempat dia bergantung untuk menjaga kedua orang adik lelakinya yang masih kecil ketika dia keluar bekerja. Namun, Amir sering pulang rumah lewat dan selalu menghabiskan masa bersama kawan-kawannya selepas waktu sekolah. Suami Puan Zaleha meninggal dunia lima tahun yang lalu akibat kemalangan alan raya. [Action 1] Sejak itu, dia terpaksa bekerja keras untuk membiayai kehidupan keluarga dan juga ayahnya yang diambil tinggal bersama untuk bantu menjaga anak-anaknya. Malangnya orang tua itu sering sakit-sakit sejak kebelakangan ini. Oleh itu kehadiran Amir di rumah sangat penting. [Action 2] Untuk mengatasi masalahnya, Puan Zaleha sering menasihati Amir dengan lembut. Dia sedar Amir sudah dewasa dan pastinya tidak suka kehidupannya diatur oleh ibunya. Oleh itu, sambil menasihati Amir, dia juga membawa anak sulungnya itu berfikir mengenai tanggung jawabnya terhadap keluarga. [Action 3] Walaupun sikap Amir tidak menunjukkan sebarang perubahan, Puan